

PENSYARIATAN PUASA PADA BULAN RAMADAN

RAMADAN merupakan bulan ke-9 dalam kalendar Islam. Dalam bulan ini, terdapatnya puasa yang mana merupakan fardu ain bagi setiap mukalaf dan merupakan salah satu daripada rukun Islam yang kelima. Umat Islam pada bulan ini diwajibkan untuk menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara lain yang boleh membatalkan puasa dari terbit fajar sehinggalah terbenam matahari berserta niat.

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu semua berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa."

Al-Baqarah : 183

Pensyariatan puasa adalah untuk mendidik setiap insan agar sentiasa bersabar. Ketika sedang berpuasa, kita akan diuji dengan kelaparan dan kehausan. Hanya dengan berbekalkan iman yang kuat, hati tidak akan goyah dengan segala macam hawa nafsu yang mendatang.

Selain itu, puasa juga mengajar umat Islam agar sentiasa bersyukur dengan segala apa yang ada. Perkara ini akan melatih setiap individu bersifat dengan sifat **Qana'ah** (sifat yang merasa cukup), lantaran melihat ada lagi manusia yang sukar untuk mencari sesuap makanan.

"Puasa adalah perisai yang dapat melindungi seorang hamba dari seksa neraka."

Riwayat Ahmad (3868)

RUKHSAH PUASA

Islam bukanlah agama yang jumud dan *rigid*. Dalam hal ini, Islam membenarkan beberapa golongan agar tidak berpuasa, namun wajib menggantikannya bersamaan dengan hari yang mereka tinggalkan. Antara golongan tersebut adalah :-



Orang sakit



Ibu mengandung



Ibu menyusukan anak



Haid dan Nifas



Orang yang bermusafir



"Bahawasanya ia (berbuka) adalah rukhsah yang telah diberikan oleh Allah SWT, maka barang siapa yang berbuka maka ia adalah baik, dan barang siapa yang ingin berpuasa maka tidak ada dosa baginya."

Riwayat Muslim (1121)

KEISTIMEWAAN RAMADAN

Antara keistimewaan bulan Ramadan adalah bulan turunnya al-Quran ataupun disebut sebagai Nuzul al-Quran. Peristiwa Nuzul al-Quran berlaku semasa Baginda Nabi Muhammad SAW sedang beribadat di Gua Hira'. Ayat al-Quran yang pertama sekali diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ialah ayat pertama hingga kelima **Surah al-A'laq**.

Selain itu, peristiwa **Lailatul Qadar** juga berlaku pada malam Ramadan. Berdasarkan ayat al-Quran dalam **Surah al-Qadr**, malam **Lailatul Qadar** merupakan malam yang mulia dan lebih baik daripada 1,000 bulan.

Akan tetapi, malam yang tepat tidak diketahui oleh manusia. Para ulama bersepakat bahawa malam **Lailatul Qadar** jatuh pada 10 malam terakhir pada bulan Ramadan.

“

*"Sesungguhnya ia (**Lailatul Qadar**) berlaku pada 10 malam terakhir, maka barang siapa dari kalangan kamu yang suka untuk beriktikaf, maka beriktikaflah."*

Riwayat Muslim (1167)

Dalam merebut peluang pada 10 malam terakhir Ramadan, umat Islam seharusnya beribadah dengan bersungguh-sungguh sejak hari pertama bulan Ramadan menjengah lagi kerana bulan Ramadan hanya tiba kepada kita selama sebulan dalam setahun.



Selain itu, malam **Lailatul Qadar** akan dianugerahkan kepada mereka yang berusaha dan bersungguh-sungguh dalam menunaikan ibadah demi mencari keredaan-Nya. Isikanlah dengan qiamullail, bacaan al-Quran, zikrullah, munajat serta doa memohon keampunan dan kerahmatan daripada-Nya.

Semoga kita dipanjangkan umur untuk menyambut Ramadan dan seterusnya menjadi hamba yang layak dan beruntung untuk mendapatkan **Lailatul Qadar**. Insya-Allah.

Wallahualam.




Diterbitkan oleh :
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA,
Aras 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Tel : +603-88703870
Faks : +603-88703871

yadimofficial   Yayasan Dakwah
Islam Malaysia
yadim   yadimTV

www.yadim.com.my

 Kedai Buku YADIM

 buku.yadim.com.my



Ramadan Karim

Mengajar Erti

Kesabaran & Kesyukuran